



Kertas 1

1.1 Latar Belakang Negara Bangsa Sebelum Kedatangan Barat

- 1 Kerajaan Funan memiliki wilayah pengaruh yang luas merangkumi wilayah dari Sungai Mekong, Teluk Cam Ranh, selatan Myanmar dan Segenting Kra. Apakah prinsip yang harus dipatuhi oleh rakyat Funan berdasarkan ciri negara bangsa tersebut?

BT m.s. 4 TP2 ARAS: S

- A Mengukuhkan perpaduan
- B Meneroka kawasan jajahan
- C Memperakui pemerintahan
- D Mengawal sempadan wilayah

- 2 Bagaimanakah Kesultanan Johor-Riau meneruskan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu yang diwarisi daripada empyar Srivijaya dan Kesultanan Melayu Melaka? **BT m.s. 5 TP2 ARAS: S**

- A Menyekat kemasukan Barat
- B Membebaskan jajahan takluk
- C Menekankan kepentingan Islam
- D Merangka undang-undang baharu

1.2 Ciri-ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka

- 3 Sultan mempunyai hak mutlak untuk mengawal rakyat dan wilayah. **BT m.s. 6 TP2 ARAS: R**
Apakah ciri negara bangsa yang berkaitan dengan pernyataan tersebut?

- A Kedaulatan sultan
- B Keunggulan undang-undang
- C Kawasan wilayah pengaruh yang luas
- D Keistimewaan melalui lambang kebesaran

- 4 Wilayah pengaruh Kesultanan Melayu Melaka meliputi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu dan pantai timur Sumatera. **BT m.s. 7 TP2 ARAS: R**
Apakah kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan kejayaan perluasan wilayah pengaruh tersebut?

- A Keberanian penduduk
- B Kewibawaan pemerintah
- C Keunggulan undang-undang
- D Kekurangan peralatan pihak lawan

1.3 Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-undang

- 5 Dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, pentadbiran Pembesar Berempat dibantu oleh pembesar lain yang terdiri daripada

BT m.s. 8 TP3 ARAS: S

- | | |
|---------------|------------------|
| I Menteri | III Syahbandar |
| II Hulubalang | IV Ketua kampung |
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

- 6 Mengapakah peranan Bendahara sangat penting dalam sistem pentadbiran pusat Kesultanan Melayu Melaka?

BT m.s. 9 TP3 ARAS: R

- I Penasihat sultan
- II Pemangku sultan
- III Panglima tentera laut
- IV Pemantau hasil perbendaharaan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 7 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem keselamatan yang mantap untuk menjaga keamanan di darat dan di laut.

Apakah yang membuktikan pernyataan tersebut?

BT m.s. 9 TP3 ARAS: R

- A Hukuman berat ke atas pesalah
- B Pelaksanaan kawasan pegangan
- C Undang-undang adat dikuatkuasakan
- D Jawatan Laksamana dan Temenggung diperkenalkan

- 8 Undang-Undang Laut Melaka memperuntukkan Fasal 5 berkaitan dengan jenayah.

Apakah bentuk hukuman yang dikenakan ke atas kesalahan berkelakuan jahat berdasarkan peruntukan tersebut? **BT m.s. 11 TP3 ARAS: S**

- A Membayar ganti rugi
- B Dihukum buang negeri
- C Dikenakan hukuman mati
- D Membuat permohonan maaf

1.4 Peranan Pemerintah dan Rakyat

- 9 Konsep waadat yang mengaitkan pemerintah dan rakyat wujud dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

Apakah kepentingan konsep tersebut?

BT m.s. 12 TP4 ARAS: S

- A Menghargai sumbangan rakyat
- B Menggerakkan jentera kerajaan
- C Mengelakkan rakyat menderhaka
- D Mengukuhkan kedudukan pemerintah

- 10 Pak Hashim ialah seorang rakyat dalam kerajaan Melaka. **BT m.s. 13 TP4 ARAS: T**

Apakah bentuk sumbangan yang boleh Pak Hashim berikan kepada pemerintah melalui sistem kerah?

- A Membina istana
- B Menjadi hulubalang
- C Membuat pendayung
- D Mengawasi sempadan



iNota Bab 1